

# Tidak mustahil tanam padi waktu malam



**PESAWAH** boleh mengusahakan tanaman padi pada waktu malam suatu hari nanti sekiranya sawah mereka menjadi lebih selamat dan sistematik.

**KUALA LUMPUR 3 Mei** - Saranan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad agar menanam padi pada waktu malam adalah sesuatu yang tidak mustahil dan boleh dicapai sekiranya beberapa aspek ditambah baik.

Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi menegaskan suatu hari nanti padi boleh ditanam tidak kira siang atau malam di kawasan lebih selamat seperti dalam rumah hijau atau tempat lebih sistematik.

“Mungkin di bendang seperti yang ada sekarang kurang sesuai kerana terdapat binatang berbahaya, contohnya ular banyak pada waktu malam.

“Tetapi sekiranya sawah kita sudah moden suatu hari nanti, aspek keselamatan sudah tidak menjadi masalah, tidak mustahil boleh tanam padi pada waktu malam. Pekebun sayur seperti di Cameron Highlands sudah biasa bekerja pada waktu malam kera-

na mereka tanam dalam kawasan yang selamat.

“Ini akan meningkatkan produktiviti mereka kerana bekerja pada waktu malam, suhu 10 celsius lebih rendah berbanding waktu siang, mereka akan kurang penat, akan menghasilkan tanaman yang lebih banyak,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Abdul Shukor, sekiranya Dr. Mahathir mahu merealisasikan perkara itu, kemudahan dan infrastruktur di bendang dan sawah padi harus ditambah baik bagi memastikan keselamatan petani.

“Mungkin boleh wujudkan sesuatu seperti rumah hijau untuk padi dengan sistem air dan lampu yang memadai untuk pastikan keselamatan petani.

“Orang menoreh getah pun bermula seawal pukul 4 pagi kerana mereka yakin dengan keselamatan di kebun ketika itu. Jadi tidak mustahil untuk tanam padi pada waktu malam,” katanya.